

SKEMA BAHASA MELAYU 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

**Soalan 1 : 8 markah
Soalan 2 : 6 markah
Soalan 3 :11 markah
Soalan 4 : 6 markah
Soalan 5 :4 markah**

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata kerja aktif transitif dan kata berimbuhan apitan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja dan kata berimbuhan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. **Calon meniru/menyalin sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan – 0 markah.**
7. Ayat digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa – 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, - 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas – 0 markah
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

BAHAGIAN A – SISTEM DAN APLIKASI BAHASA (35 MARKAH)

SOALAN 1: MORFOLOGI

BIL	KATA KERJA AKTIF TRANSITIF	AYAT
(i)	memusnahkan	Bom itu memusnahkan sebahagian besar kamera keselamatan berhampiran restoran.
(ii)	membawa	Puan Sarah membawa sebuah bakul ke pasar untuk mengisi barang-barang yang dibeli.
(iii)	mengaut	Kami ialah organisasi agama antarabangsa yang tidak mengaut keuntungan tetapi berkhidmat dengan jujur dan ikhlas.

(iii)	menjadikan	Perompak itu telah menjadikan gua itu sebagai tempat persembunyian mereka.
BIL	KATA BERIMBUHAN APITAN	AYAT
(i)	penyalahgunaan	Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja amat membimbangkan kerana mereka merupakan masa depan negara.
(ii)	kehidupan	Manusia harus menjalani kehidupan yang penuh onak dan duri kerana Allah ingin menguji kesabaran hambanya.
(iii)	kesengsaraan	Ketakutan dan kesengsaraan yang tidak berkesudahan boleh membawa kepada kematian.
(iv)	kemusnahan	Pembersihan habitat untuk tujuan pertanian ialah punca utama kemusnahan habitat, di samping juga kegiatan perlombongan dan pembalakan.
(v)	keuntungan	Pelaburan emas akan membawa keuntungan atau kerugian disebabkan oleh perubahan harga emas di pasaran.

Maksimum : 8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

BIL	MENYATAKAN JENIS AYAT DAN CONTOH AYAT YANG TERDAPAT DALAM PETIKAN	
	JENIS AYAT	AYAT
(i)	Ayat Penyata	-Semasa kami sedang beratur untuk menaiki feri menyeberangi Selat Bhoşporus, seorang lelaki tua menghampiriku. -Lelaki tua itu begitu berani. -Dia tidak berbisik-bisik seperti remaja tadi dan meletakkan sehelai jaket kulit berwarna hitam di atas lengannya. -macam yang kita tengok kat Grand Bazaar semalam.
(ii)	Ayat Tanya	-Black market, black market?

		-Murah ke?
(iii)	Ayat Seruan	Eh, lawanya jaket tu!
(iv)	Ayat Perintah (Ayat Larangan)	Jangan peduli

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 3 (a)– KESALAHAN BAHASA

BIL	KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN	JENIS KESALAHAN
(i)	para-para	para	Tatabahasa
(ii)	salasilah	sahsiah	Istilah
(iii)	seloroh	seluruh	Ejaan
(iv)	kesusilaan	keluhuran	Istilah
(v)	mengukuh	mengukuhkan	Imbuhan
(vi)	Kami	Kita	Tatabahasa
(vii)	daripada	dari	Tatabahasa
(viii)	oleh kerana	kerana	Tatabahasa
(ix)	berbagai	berbagai-bagai/pelbagai	Tatabahasa
(x)	agar supaya	agar/supaya	Tatabahasa
(xi)	di dalam	dalam	Tatabahasa

[Maksimum : 11 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada Bahasa Melayu standard bagi soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
-Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
-Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3-4
-Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	
-Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1-2
-Ayat disalin bulat-bulat / Isi tidak mengikut urutan / salah fakta	0

SOALAN 4 – BAHASA MELAYU STANDARD

Bendahara Paduka Raja telah mengarahkan semua pokok kayu bakau, pokok nyirih dan tumpu api-api diikat dengan puntung api. Puntung api yang terlalu banyak itu telah dipandang oleh tentera siam, lalu hulubalang Siam berkata, “Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka sehingga tidak dapat dihitng. Sekiranya mereka datang menyerang kita, apakah nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya pun tidak dapat kita lawan tadi.”

[Maksimum :6 markah]

SOALAN 5 – PERIBAHASA

BIL	PERIBAHASA	PERIBAHASA LAIN YANG SAMA MAKSUD ATAU HAMPIR SAMA MAKSUD
(i)	masuk telinga kanan, keluar telinga kiri	bagai mencurah air ke daun keladi
(ii)	ibarat seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit	kerana nila setitik, rosak susu sebelanga
(iii)	sudah terantuk baru tengadah	nasi sudah menjadi bubur

[Maksimum :4 *markah*]**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN (35 MARKAH)****SOALAN 6 – PETIKAN UMUM**

BIL	JAWAPAN	
(i)	Maksud rangkai kata <i>tidak kerap berlaku</i> ialah jarang terjadi/tidak selalu terjadi/tidak sering terjadi.	2 m
	-tidak sering berlaku/tidak selalu berlaku	1 m
(ii)	Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2 punca pencemaran udara ialah:	
	-sikap masyarakat yang suka melakukan pembakaran terbuka (Bahan 1-dlm pantun)	1 m
	-faktor semulajadi-Bahan 2	1 m
	-aktiviti-aktiviti manusia-Bahan 2	1 m
	[Isi cukup : 2 isi]	
	[maksimum : 3 markah]	
	NOTA: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan	
(iii)	Pada pendapat saya, antara impak negatif yang terpaksa ditanggung oleh manusia akibat pencemaran ialah: -tahap kesihatan hidupan terjejas seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.	

	<p>-pelbagai penyakit kronik dihadapi oleh manusia seperti kanser, sakit jantung, sakit kulit dan lain-lain.</p> <p>-banyak jiwa terkorban akibat hidupan laut yang telah tercemar.</p> <p style="text-align: right;">[Isi cukup : 2 isi] [maksimum :3 markah]</p> <p>Jawapan lain yang sesuai diterima</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1m</p>
(iv)	<p>Antara tindakan yang boleh saya lakukan apabila mendapati pembakaran terbuka berlaku di tempat tinggal saya ialah:</p> <p>-saya akan membuat aduan kepada ketua kampung atau ketua taman perumahan agar pihak berwajib membuat siasatan lalu mengambil tindakan sewajarnya.</p> <p>-saya akan menasihati pelaku pembakaran terbuka agar menghentikan perbuatannya itu kerana mencemarkan alam sekitar.</p> <p>-saya akan menularkan perbuatan pelaku pembakaran terbuka di media sosial agar pihak Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan.</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi] [maksimum : 4 markah]</p> <p>Jawapan lain yang sesuai diterima</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>

[maksimum : 12 markah]

SOALAN 7 – PETIKAN SASTERA

BIL	JAWAPAN	
(i)	Berdasarkan Bahan 2, rangkai kata <i>tiada terpermanai</i> ialah tidak terkira banyaknya/tidak terhitung banyaknya/jumlahnya	2 m
(ii)	<p>Berdasarkan semua bahan, kaitan dengan mulut dan nafsu ialah:</p> <p>Bahan 1</p> <p>-Kertala Sari suka bercakap besar (takabur)</p> <p>-berasa dirinya pahlawan hebat</p> <p>Bahan 2</p> <p>-Raja Benua Siam berasa marah kerana Ratu Melaka tidak mahu tunduk kepada</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p>

	<p>Siam lalu mengerah tentera dan rakyatnya yang tidak terhitung banyaknya menyerang Melaka.</p> <p>Bahan 3</p> <p>-orang yang suka berkata tanpa berfikir akan berhadapan dengan perselisihan atau persengketaan</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup: 3 isi]</p> <p style="text-align: right;">[maksimum : 4 markah]</p> <p>NOTA : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p>
(iii)	<p>Pada pendapat saya, jika kita melakukan sesuatu tindakan mengikut hawa nafsu maka kita akan mendapat kesan negatif seperti:</p> <p>-rakan akan menjauhi kita</p> <p>-imej diri dan keluarga tercemar</p> <p>-kita akan terlibat dalam pertelingkahan dengan orang lain</p> <p>-dibenci oleh masyarakat</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 2 isi]</p> <p style="text-align: right;">[maksimum : 3 markah]</p> <p>Jawapan lain yang sesuai diterima</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>
(iv)	<p>Sebagai seorang pengawas cara yang sesuai untuk mendamaikan mereka semula ialah :</p> <p>-saya akan membuat aduan kepada guru pengawas agar siasatan punca pergaduhan dijalankan.</p> <p>-memberi kaunseling kepada mereka yang bergaduh supaya sedar kesilapan diri dan berbaik semula.</p> <p>-saya juga akan meminta mereka agar berubah sikap.</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi]</p> <p style="text-align: right;">[maksimum : 4 markah]</p> <p>Jawapan lain yang sesuai diterima</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>

--	--	--

[13 *markah*]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi / fakta / peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi ulasan / huraian yang lengkap / jelas.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah.
- (f) Markah Bahasa maksimum 2 markah , diberi secara gambaran seluruh.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk Bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah

SOALAN 8 – PETIKAN NOVEL

BIL	JAWAPAN	
(i)	<p>Perkara-perkara yang difikirkan oleh Raiha sehingga dia mengeluh resah di kondominium mewahnya itu ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> -kepentingan para pesakit yang datang dengan harapan yang tinggi menggunakan di pusat rawatan itu. -sikap Dr Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya -layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari -beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada keluarga para pesakit yang terdiri daripada golongan masyarakat kelas menengah bawah itu. <p style="text-align: right;">[isi cukup : 3 isi]</p> <p style="text-align: right;">[maksimum : 4 <i>markah</i>]</p> <p>Terima jawapan dalam petikan sahaja</p>	<p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p> <p>1 m</p>

(ii)	<p>Dua unsur saspens yang membuatkan pembaca berdebar ialah:</p> <p>Novel Pantai Kasih</p> <p>-peristiwa kematian anak perempuan Doktor Raiha, iaitu Rohayu binti Sadiz. Dari awal sehingga akhir, pembaca tidak mendapat gambaran yang jelas tentang punca kematian Ayu .Pembaca tertanya-tanya cara Ayu menjadi mangsa dalam kebakaran kereta mewah milik Dr.Sadiz. Akhirnya, pembaca mendapat tahu punca kematian Ayu apabila Felicia telah mengaku dan menceritakan situasi sebenar kematian Ayu, iaitu kemunculan Ayu secara tiba-tiba menyebabkan dia disambar oleh api yang marak.</p> <p>-Peristiwa Felicia Landosi ditahan oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Kejadian ini telah mencetuskan rasa panik dalam kalangan kakitangan pusat rawatan tersebut.Pembaca tertanya-tanya nasib yang akan menimpa Felicia apabila menjadi orang tahanan doktor palsu.</p> <p>Novel Bimasakti Menari</p> <p>-Peristiwa Budiman dan Nurul Hafsa mencari Muhammad Taufik setelah mendapat panggilan telefon daripadanya yang memaklumkan bahawa dia ditimpa kemalangan. Pembaca tertanya-tanya sama ada Muhammad Taufik akan ditemui oleh Budiman dan Nurul Hafsa atau tidak selepas dia diserang.</p> <p>-Peristiwa Nurul Hafsa berasa cemas apabila melihat tiga orang lelaki memotong rumput di tepi-tepi jalan di lorong menghala ke rumahnya yang sunyi sejak dua tiga hari kebelakangan ini dan perkara yang meragukannya ialah lalang masih meninggi. Pembaca tertanya-tanya akan tujuan sebenar kehadiran ketiga-tiga lelaki itu.</p> <p style="text-align: right;">[isi cukup : 2 isi 2 huraian]</p> <p style="text-align: right;">[maksimum : 6 markah]</p>	<p>2 m</p> <p>2 m</p>
------	--	-----------------------

[10 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN (30 MARKAH)**SOALAN 9 – RUMUSAN****TUGASAN SOALAN**

- (i) Anda perlu menulis rumusan tentang Bahan 1 – petikan dan Bahan 2 – ilustrasi dan Bahan 3 - pantun
- (ii) Fokus 1 soalan ialah faktor-faktor pertambahan pengguna motosikal di Malaysia berdasarkan Bahan 1 manakala fokus 2 ialah punca-punca peningkatan kes kemalangan jalan raya membabitkan penunggang motosikal berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 dan Fokus 3 ialah langkah-langkah keselamatan bagi penunggang motosikal berdasarkan Bahan 3.
- (iii) Asas Pembahagian Markah

Pendahuluan	2 markah
Isi-isi Tersurat (8 ISI)	16 markah
Kesimpulan	2 markah
Bahasa	10 markah
JUMLAH	30 arkah

- (iv) Teknik Menyemak Rumusan
-Semak rumusan anda dari segi :
- (i) jumlah patah perkataan (tidak melebihi 120 patah perkataan)
- (ii) kesalahan bahasa, iaitu tatabahasa, ejaan, dan tanda baca

Kerangka Rumusan**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan faktor-faktor pertambahan pengguna motosikal di Malaysia, punca-punca peningkatan kes kemalangan jalan raya membabitkan penunggang motosikal dan langkah-langkah keselamatan bagi penunggang motosikal. (Tiga Bahan = Pendahuluan + Fokus 1 + Fokus 2)

Isi-isi tersurat**Fokus 1 [Faktor-faktor pertambahan pengguna motosikal di Malaysia] Bahan 1**

- motosikal merupakan kenderaan mampu milik
- kos penyelenggaraannya lebih murah
- kos minyak yang rendah
- tidak perlu membayar tol
- pertambahan bilangan penghantar makanan yang bermotosikal
- motosikal sebagai hobi dan aktiviti riadah bagi golongan profesional

Fokus 2 [Punca-Punca Peningkatan Kes Kemalangan Jalan Raya Membabitkan Penunggang Motosikal] Bahan 1

- sikap penunggang motosikal itu sendiri yang menunggang motosikal secara selamat atau sebaliknya.
- laluan motosikal yang agak sempit dan tidak sesuai untuk kegunaan motosikal berkuasa besar.
- laluan motosikal kerap dinaiki air dan hanya selamat digunakan pada kelajuan sehingga 70 kilometer sejam jika menggunakan motosikal 'kapcai'.
- laluan motosikal tidak diselenggara dengan baik.
- keadaan di sepanjang laluan motosikal yang gelap.
- papan tanda keselamatan tidak dipasang dengan baik.

Fokus 1 [Punca-Punca Peningkatan Kes Kemalangan Jalan Raya Membabitkan Penunggang Motosikal] Bahan 2

- penunggang dan pembonceng motosikal tidak memakai topi keledar.
- tidak menggunakan laluan motosikal yang disediakan.
- keadaan permukaan jalan raya yang rosak.
- tidak mematuhi peraturan lampu isyarat.

Fokus 3 [Langkah-Langkah Keselamatan Bagi Penunggang Motosikal] Bahan 1

- menyelenggara motosikal sebelum memulakan perjalanan

Fokus 3 [Langkah-Langkah Keselamatan Bagi Penunggang Motosikal] Bahan 3

- memakai topi keledar dengan kemasnya.
- mematuhi peraturan lampu isyarat dengan tidak melanggar lampu merah.
- sentiasa berwaspada ketika berada di jalan raya.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penunggang motosikal perlu lebih berwaspada ketika di jalan raya agar kemalangan membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal dapat dielakkan.

(Kesimpulannya + Cadangan + Tema + Kesan)

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

